

Kerajaan komited kekalkan pengeluaran makanan

Keselamatan, keterjaminan makanan juga dititikberatkan

KUALA LUMPUR: Kerajaan, menerusi Kumpulan Industri Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MIGHT), kekal komited untuk mengekalkan pengeluaran dan bekalan makanan untuk negara, terutamanya beras. Penasihat Sains dan Pengerusi Bersama, Prof Emeritus Datuk Seri Dr Zakri Abdul berkata tahun ini, MIGHT telah mengadakan

banyak alternatif serta penyelidikan dan pembangunan (R&D), bagi memastikan pengeluaran makanan kekal mencukupi. "Kerajaan terus memastikan keutamaan diberikan kepada sektor pertanian dalam meningkatkan pendapatan negara dan memastikan keselamatan dan keterjaminan makanan. "Dalam belanjawan baru-

baru ini, sejumlah RM5.8 bilion telah diperuntukkan untuk program pembangunan pertanian, termasuk aplikasi teknologi tinggi untuk pengeluaran makanan, dan pengukuhan kapasiti," kata beliau dalam kata aluannya di Mesyuarat dan Bengkel Strategi Peringkat Tinggi mengenai R&D Beras Malaysia di sini semalam. Zakri turut mengeten-

gahkan kepentingan rangka kerja keselamatan beras yang menyeluruh untuk Malaysia. Mesyuarat dan bengkel dua hari bermula semalam oleh MIGHT itu, disokong oleh pertubuhan pakar terkemuka dunia beras, Rothamsted Research, United Kingdom. Acara itu juga disertai oleh 50 pertubuhan utama Malaysia yang mengusahakan R&D beras. — Bernama



HARGAI ALAM SEMULA JADI: Koleksi terbaharu Jeep bertemakan Love the Earth.

Koleksi terbaharu Jeep harga alam semula jadi

KUCHING: Jenama pakaian Jeep baru-baru ini telah melancarkan koleksi terbaharu musim luruh bertemakan "Love the Earth" selaras dengan moto jenamanya iaitu "Live Without Limits". Koleksi terbaharu tersebut direka khas bagi mereka yang aktif serta warta kota yang gemar menikmati gaya hidup di bandar. Bagi menghargai alam semula jadi, pakaian Jeep telah memgetengahkan warna-warna asas seperti coklat dan

kelabu serta khaki seperti oren, kuning, biru dan hijau yang amat sesuai untuk dipakai pada setiap masa. Bagi lelaki, konsep rekaan terbaharunya adalah lebih lasak bagi memenuhi cita rasa lelaki masa kini yang gemarkan aksi yang mendebarkan sambil bergaya manakala bagi wanita konsepnya bertemakan alam semula jadi yang sesuai bagi wanita yang aktif dan gemar melancong. Sementara itu, bagi kanak-kanak lelaki dan perempuan

pula konsep rekaan Jeep menampilkan fesyen lasak sesuai untuk kanak-kanak yang aktif. Koleksi pakaian Jeep musim luruh sejuak 2012/13 boleh didapati di semua kedai Outfitters Studio dan pusat beli-belah terkenal di Malaysia dan harga pakaian-pakaian tersebut bermula dari RM39 sehingga RM399. Untuk keterangan lanjut mengenai koleksi terbaharu Jeep, sila layari laman muka di www.facebook.com/JeepApparelMY.

Canon jangka kamera perfileman digital sumbang pendapatan RM12 juta setahun

KUALA LUMPUR: Canon Marketing (M) Sdn Bhd menjangka kamera perfileman digital yang baru dilancarnya -- EOS C500 dan EOS-1D C -- menyumbang RM12 juta, atau lima peratus kepada pendapatan syarikat setahun. Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutifnya, Melvyn Ho berkata kamera perfileman itu akan dipasarkan tahun bagi memenuhi permintaan industri perfile-

man tempatan. "Kami yakin kamera-kamera itu akan dapat mengembangkan lagi kemungkinan dalam ekspresi visual dan pembangunan budaya sinematik terutamanya dalam industri perfileman yang semakin berkembang pesat di Asia," katanya pada taklimat media selepas majlis pelancaran kamera perfileman itu di sini, kelmarin. Beliau berkata model C500, selain berupaya merakam-

kan pada resolusi 4K (4,096 x 2,160 piksel), juga boleh menyokong pelbagai lensa boleh tukar Canon. "Ini akan memberikan sinematografer bukan sahaja prestasi kualiti video yang bermutu tinggi, tetapi juga mobiliti, ketahanan dan pengembangan," katanya. Ho berkata model EOS-1D C, kamera refleksi lensa tunggal digital berupaya merakamkan video pada resolusi 4K tanpa

menggunakan kelengkapan persisian seperti perakam luar yang dapat meningkatkan mobiliti aliran kerja. Sempena pelancaran kamera itu, Canon mengadakan seminar produk 4K yang dikendalikan oleh sinematografer yang juga ahli American Society of Cinematographers, Shane Luther Huribut. Seminar itu berjaya menarik lebih 200 peserta. — Bernama

Pembukaan Bank Rakyat cawangan Cyberjaya

KUALA LUMPUR: Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Bhd (Bank Rakyat) kelmarin membuka cawangannya yang ke-138 iaitu cawangan Cyberjaya. Ia merupakan cawangan Bank Rakyat yang ke-23 di

Selangor. Pembukaan cawangan itu dirasmikan oleh Pengarah Urusannya, Datuk Yusof Abdul Rahman. Ia turut dihadiri oleh Ketua Wilayah Selangor Mohd Azmir Mohd Nasurdin, Pen-

gurus Cawangan Cyberjaya Ummu Hani Din serta pengurus-pengurus cawangan di Wilayah Selangor, demikian menurut Bank Rakyat dalam satu kenyataan kelmarin. Pada tahun ini, Bank Rakyat telah membuka tiga cawan-

gan baharu, iaitu di Keroh (Terengganu), Kota Marudu dan Putatan (Sabah) serta bercadang untuk membuka dua cawangan lagi iaitu di Desa Sri Hartamas (Kuala Lumpur) dan Nusajaya (Johor). — Bernama

Pekerja M'sia dijangka naik gaji pada 2013

SINGAPURA: Hampir setiap pekerja di Malaysia dijangka mendapat kenaikan gaji pada tahun depan, demikian menurut Laporan Workmonitor Randstad terbaharu bagi suku keempat yang diumumkan semalam. Perangkaan itu adalah yang tertinggi dari kajian di seluruh dunia dari kalangan 14,780 pekerja daripada 32 negara, dengan responden di rantau ini kurang keyakinan mengenai prospek kenaikan gaji di China (82 peratus), Singapura (76 peratus), Australia (75 peratus), New Zealand (69 peratus) dan Jepun (42 peratus). Pengarah Randstad Malaysia Jasmin Kaur berkata sentimen itu adalah sejajar dengan prestasi kewangan perniagaan yang jitu di seluruh Malaysia, di empat daripada lima (82 peratus) pekerja yang dikaji selidik membayangkan syarikat mereka mencatatkan

prestasi yang baik tahun ini walau pun ekonomi berhadapan cabaran. "Para pekerja memikul beban kerja yang lebih berat dan menjangka diberi ganjaran sebagai mengiktiraf usaha masing-masing pada tahun ini," katanya. Kaji selidik di kalangan 405 pekerja Malaysia juga menonjolkan bahawa tujuh daripada 10 (71 peratus) pekerja menjangka menerima hadiah tahun ini seperti pakej Krismas atau baucar hadiah dan 94 peratus menjangka menerima satu ganjaran kewangan sekali sahaja. Jasmin Kaur berkata adalah penting bagi para majikan mengiktiraf kerja keras yang dilaksanakan para pekerja masing-masing pada tahun ini, terutama sekali berikutan kekurangan pekerja dan keperluan mendapatkan pekerja mahir.

Menurut laporan itu, dengan menawarkan ganjaran dan insentif, para pemimpin perniagaan akan dapat memotivasi dan mengekalkan petugas yang menunjukkan prestasi yang baik. Bagaimana pun, adalah penting bagi para majikan menyeimbangkan perbezaan motivasi pekerja masing-masing, katanya. Workmonitor Randstad dilancarkan di Belanda pada 2003 dan meliputi 32 negara di seluruh dunia, yang meliputi Asia Pasifik, Eropah dan Amerika dan diterbitkan empat kali setahun. Randstad adalah salah satu penyedia perkhidmatan pengambilan pekerja dan sumber manusia terbesar di dunia dan dengan operasi di Asia Pasifik di Malaysia, Singapura, Hong Kong, China, Australia dan New Zealand. — Bernama



PEMENANG BERTUAH: Kong (kanan) dan Kiew (kiri) bersama para pemenang pertandingan Gulong Canned Food.

Pemenang pertandingan Gulong Canned Food terima hadiah daripada Ngiukee

KUCHING: Pasar raya Ngiukee meraikan para pemenang pertandingan "Gulong Canned Food" dengan acara penyampaian hadiah yang telah diadakan pada Sabtu yang lepas di pejabat Ngiukee di Wisma SABERKAS di sini. Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Pengurus Pemasaran Eksekutif Globalshine

Tely Kong dan Pengurus Ngiukee Kiew Chin Siong. Pertandingan yang bermula pada 22 September sehingga 18 November yang lepas telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para pelanggan di mana untuk menyertainya para peserta hanya perlu membeli dua tin produk daripada Gulong Canned Food.

Pemenang hadiah pertama iaitu Soon Chiong Yaw menerima baucar daripada Ngiukee bernilai RM280 manakala pemenang kedua dan ketiga iaitu Fuang Siew Yii dan Tan Hua Chiang masing-masing membawa pulang baucar bernilai RM180 dan RM90 juga daripada Ngiukee. Sementara itu hadiah sagu

hati berupa baucar daripada Ngiukee bernilai RM50 telah dimenangi oleh Nilo Ahin, Katerina Florin, Chiew Chiaw Lee, Lim Meei Jiuan dan Wong Ngiik Chou. Pihak pengurusan Ngiukee mengucapkan tahniah kepada semua pemenang serta menghargai semua peserta yang mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut.

Jualan kenderaan bermotor susut 3 peratus pada November

KUALA LUMPUR: Jualan kenderaan bermotor pada November tiga peratus daripada Oktober kepada 53,365 unit disebabkan oleh kurangnya hari bekerja dalam bulan ini, kata Persatuan Automotif Malaysia (MAA). Bagaimanapun, berdasarkan tahun ke tahun, jualan kenderaan bermotor pada November meningkat 10 peratus atau 5,055 unit daripada 48,310 unit dalam bulan yang sama 2011, hasil sumbangan jualan sebanyak 46,392 unit kenderaan penumpang dan 6,973 unit kenderaan komersial, kata MAA. Ia berkata pengeluaran bagi bulan ini bertambah kepada 46,968 unit daripada 35,355 unit dalam bulan yang sama tahun lepas dengan 42,934

unit kenderaan dikeluarkan berbanding 31,326 unit pada November tahun lepas. Ia berkata sebanyak 4,034 unit kenderaan komersial dikeluarkan dalam bulan ini berbanding 4,029 unit dalam bulan yang sama tahun lepas. Bagi tempoh tujuh bulan itu, katanya, jualan kenderaan bermotor meningkat 2.71 peratus kepada 567,170 daripada 552,159 yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun lepas. MAA berkata jualan kenderaan penumpang bagi tempoh itu bertambah kepada 498,723 unit daripada 492,492 unit dalam tempoh yang sama tahun lalu manakala jualan kenderaan komersial mengukuh kepada 68,447 unit daripada 59,677 unit

sebelumnya. Pengeluaran bagi tempoh itu bertambah kepada 524,467 unit daripada 501,755 unit tahun lepas dengan 467,861 kenderaan penumpang dikeluarkan dalam tempoh ini berbanding 459,876 unit dalam tempoh yang sama tahun lepas. Ia berkata 56,606 unit kenderaan komersial juga dikeluarkan hingga November, meningkat daripada 501,755 unit dalam tempoh yang sama pada 2011. Mengenai prospek, MAA berkata jualan kenderaan bermotor pada Disember dijangka lebih rendah sedikit daripada November, manakala pengguna memilih untuk menunggu dan membeli unit-unit yang dikeluarkan pada 2013. — Bernama

MAS tidak tergesa-gesa untuk terbitkan tranche ketiga sukuk

NEW DELHI: Malaysia Airlines (MAS) tidak tergesa-gesa untuk menerbitkan tranche ketiga program sukuknya, kata pengerusi Tan Sri Md Nor Yusof. "Kami tidak memerlukan pembiayaan itu sekarang," katanya ketika lawatan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed ke fasiliti penyelenggaraan, pembaikan dan rombak rawat MAS-GMR Aerospace Engineering Company Ltd di Hyderabad, India. Rancangan pemulihan sedang berlangsung dan berjalan lancar. "Kami akan melakukannya apabila diperlukan," katanya

apabila ditanya bila MAS akan menerbitkan sukuk sekali lagi. MAS telah menerbitkan Program Sukuk Junior Kekal RM2.5 bilion dan tranche pertama sukuk RM1.0 bilion itu dilancarkan sepenuhnya oleh Retirement Fund Incorporated. Sukuk itu, yang merupakan tangga utama rancangan pembiayaan syarikat penerbangan itu untuk meningkatkan asas modalnya, dikendalikan oleh Maybank Investment Bank Bhd. Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Ahmad Jahari Yahya berkata kumpulan itu juga telah menerima komitmen kukuh

untuk baki RM1.5 bilion. MAS menerbitkan tranche kedua Sukuk Junior berjumlah RM500 juta pada 18 Sept, 2012. Ia diterbitkan setara dan membawa kadar keuntungan setengah tahun sebanyak 6.90 peratus setahun sehingga tahun ke-10. Jika MAS tidak melaksanakan pilihannya untuk menebus pada akhir tahun ke-10, agihan berkalanya akan meningkat sebanyak 2.5 peratus. Kutipan daripada terbitan itu akan digunakan oleh syarikat penerbangan itu sebagai modal kerja dan untuk membiaya semula pinjaman sedia ada. — Bernama

Bioekonomi penting menjadikan negara berpendapatan tinggi

KUALA LUMPUR: Malaysia mengenal pasti bioekonomi sebagai elemen penting di dalam mentransformasi dirinya menjadi satu negara berpendapatan tinggi menjelang 2020, kata Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Dato Sri Douglas Uggh Embas. Katanya, kepelbagaian bio memainkan elemen penting di dalam komitmen dan agenda kerajaan mencapai pembangunan lestari apabila Malaysia bergerak menzahirkan wawasan menjadi negara maju sepenuhnya menjelang

2020. "Malaysia sememangnya pemain penting dan aktif pada peringkat antarabangsa sejak Sidang Kemuncak Bumi 1992 bagi menentang agensi kepelbagaian bio ke hadapan," katanya semasa berucap merasmikan Seminar Kepelembagaan Bio Negara (MyBioD 2012) ketiga di sini semalam. Berikutan Sidang Kemuncak Bumi itu, Uggh Embas berkata Malaysia telah mengesahkan Konvensyen Kepelembagaan Biologi pada 1994 dan mem-

bangunkan lagi Dasar Kepelembagaan Biologi Negara pada 1998. "Sungguhpun begitu, selepas 14 tahun melaksanakan dasar itu, kami telah melakukan penilaian dan wujud keperluan untuk menyemak semula dasar itu bagi menjadikannya sejajar dengan Strategi Kepelembagaan Global 2011 hingga 2020 yang baharu dan 20 Sasaran Kepelembagaan Biologi Aichi yang diguna pakai oleh pihak-pihak berkaitan Konvensyen Kepelembagaan Biologi, yang termasuk

Malaysia. "Sekali gus, kita perlu menjadikan satu respons dasar domestik bagi menyokong agensi kepelembagaan global yang bertujuan menghentikan kerugian kepelembagaan bio dan meningkatkan pengurusan menyeluruh kepelembagaan biologi," katanya. Katanya, dasar itu perlu disemak semula bagi memenuhi isu-isu yang pantas muncul di dalam pengurusan kepelembagaan bio dan juga keutamaan terhadap pembangunan kelestarian negara. — Bernama